

KEPENTINGAN KOMUNIKASI BUKAN LISAN DAN GAYA PENYAMPAIAN GURU BAHASA ARAB SECARA DALAM TALIAN

Noor Shamshinar Zakaria & Nor Azhan Norul 'Azmi
shamshinar@kuis.edu.my, norazhan@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Guru perlu mempunyai pelbagai kemahiran dan strategi bagi menjamin proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan dapat mencapai tahap yang optimum. Pengajaran abad ke 21 (PAK 21) telah menekankan bahawa guru perlu menguasai pelbagai bidang, mengikuti perkembangan dan isu pendidikan, mahir dalam pedagogi serta menggunakan teknologi terkini. Guru perlu mempunyai tahap kompetensi yang tinggi dalam mengaplikasikan kesemua kemahiran ini. Antara kemahiran yang ditekankan dalam PAK 21 ini ialah kemahiran komunikasi. Komunikasi bukan lisan (KBL) pula telah dikenalpasti sebagai satu elemen dalam kemahiran mengajar yang membantu guru mempertingkatkan kualiti pengajaran dan minat pelajar di bilik darjah. Namun, pada hari ini, e-pembelajaran telah menjadi dominan dalam semua PdP iaitu secara dalam talian. Situasi ini sedikit sebanyak telah mengubah kaedah pengajaran guru dan memberi kesan yang begitu ketara terhadap gaya penyampaian guru. Oleh itu, penulisan ini dilakukan untuk memperlihatkan kepentingan kemahiran KBL dan gaya penyampaian guru terhadap kesan mood pelajar sepanjang sesi PdP Bahasa Arab secara dalam talian. Sebagai seorang yang melaksanakan tugas pengajaran, guru tidak dapat mengelak daripada mengikuti arus perubahan PdP era baharu ini kerana keperluan dalam pendidikan sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Guru perlu bersedia menghadapi situasi ini dan mahir dalam penyampaian secara dalam talian sepertimana cara guru berkomunikasi secara bersemuka di bilik darjah. Rumusan kajian ini menunjukkan bahawa guru perlu menguasai kemahiran KBL terlebih dahulu di bilik darjah kerana ia akan menjadi bertambah sukar apabila proses PdP dijalankan secara dalam talian. Kepentingan KBL dan gaya penyampaian guru dalam PdP Bahasa Arab secara dalam talian perlu ditingkatkan supaya mood dan keberkesanan pembelajaran pelajar dapat dihasilkan secara optimum.

Kata kunci: Kemahiran KBL, gaya penyampaian guru, PdP Bahasa Arab, PdP secara dalam talian, mood pelajar

1.0 PENGENALAN

Guru memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran demi mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kelangsungan ilmu dalam diri pelajar sekaligus mencapai objektif dan matlamat pendidikan negara. Peranan guru juga amat besar dan tidak ternilai bagi menjamin masa depan pelajar terutamanya dari aspek sumbangan dan bakti kepada kepentingan agama, bangsa dan negara. Justeru, guru-guru perlu mempunyai pelbagai kemahiran bagi menjamin proses PdP yang dilaksanakan dapat mencapai tahap yang optimum. Hal ini selari dengan pengajaran abad ke 21 (PAK 21) yang menekankan bahawa guru-guru perlu menguasai

pelbagai bidang, mengikuti perkembangan tentang dasar dan isu pendidikan, mahir dalam pedagogi (pengajaran dan pembelajaran) serta menggunakan teknologi terkini (Mohd Zailani bin Ismail & Mohamad Khairi bin Hj. Othman, 2017). Kemahiran-kemahiran ini diperlukan agar guru dapat memiliki kekuatan dan ketangkasan minda untuk kecemerlangan kerjaya seorang guru (Yuslaini, 2012). Guru juga perlu mempunyai tahap kompetensi yang tinggi dalam mengaplikasikan kesemua kemahiran ini. Kesemua faktor ini membantu dan menyumbang kepada guru yang berkualiti, kompetensi dan dinamik (Badrul Hisham & Mohd Nasruddin, 2016) untuk bersaing dengan cabaran era globalisasi.

Bertitik tolak dari pernyataan ini maka setiap individu guru perlu cakna dengan keperluan dan perubahan dalam dunia pendidikan masa kini. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengenalpasti kemahiran abad ke 21 yang sesuai dalam proses PdP. Antara kemahiran yang ditekankan dalam PAK 21 ini ialah kemahiran pembelajaran dan inovasi, kemahiran maklumat, media dan teknologi, dan kemahiran hidup dan kerjaya. Manakala ciri-ciri pembelajaran abad ke 21 pula ialah komunikasi, pemikiran kritis, kolaboratif dan kreativiti (KPM, 2015). Bagi merealisasikan keperluan PAK 21, guru harus menyahut tuntutan yang diutarakan oleh KPM khususnya terhadap kemahiran dalam PdP dan maklumat serta menggunakan teknologi terkini. Noor (2017) menyuarakan bahawa pelaksanaan PdP yang berkesan merupakan suatu proses interaktif, dapat memberi peluang pelajar berinteraksi, bekerjasama dan membina keyakinan diri. Apabila pengajaran menjadi menarik dan menyeronokkan, pelajar akan lebih mudah untuk menyalurkan fikiran dan pandangan mereka secara terbuka. Apabila pelajar dapat berkomunikasi dengan berkesan maka ini akan memudahkan pelajar melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing.

Pada hari ini, guru telah menghadapi satu perubahan besar dalam proses PdP. E-pembelajaran telah menjadi satu kaedah pengajaran yang baru dan amat dominan dalam semua proses PdP. Guru-guru tidak lagi melaksanakan PdP secara bersemuka di bilik darjah sebaliknya secara dalam talian. Situasi ini sedikit sebanyak telah mengubah kaedah pengajaran guru dan memberi kesan yang begitu ketara terhadap gaya penyampaian guru. Oleh itu, penulisan ini dilakukan untuk memperlihatkan kepentingan kemahiran KBL dan gaya penyampaian guru terhadap kesan mood pelajar sepanjang sesi PdP Bahasa Arab secara dalam talian. Sebagai seorang yang melaksanakan tugas pengajaran, guru tidak dapat mengelak daripada mengikuti arus perubahan PdP era baharu ini kerana keperluan dalam pendidikan sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Guru perlu bersedia menghadapi situasi ini dan mahir dalam penyampaian secara dalam talian sepertimana cara guru berkomunikasi secara bersemuka di bilik darjah. Oleh yang demikian, penulisan yang berbentuk tinjauan awal ini membincangkan tentang kepentingan kemahiran komunikasi khususnya KBL dalam pengajaran bahasa Arab dan gaya penyampaian guru ketika melaksanakan PdP secara dalam talian terhadap mood atau minat pelajar dalam proses pembelajaran.

2.0 KAJIAN LITARATURE

Definisi Komunikasi

Komunikasi adalah satu proses biasa yang sentiasa berlaku dalam kehidupan seharian manusia. Ia menjadi medium atau saluran bagi manusia berkongsi mahupun bertukar-tukar fikiran, idea, maklumat dan perasaan dengan orang lain sama ada secara pertuturan mahupun melalui gerak isyarat atau simbol (Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu & Halimah Laji (2014) dan Moch. Syarif Hidayatullah (2017) dan komunikasi juga merupakan penghantaran sesuatu mesej sama ada secara tulisan, lisan atau bukan lisan oleh seseorang kepada pihak lain dan akan berlaku tindak balas daripada penerima mesej (Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad & Zuraidah A. Majid, 2014). Terdapat dua

bentuk amalan komunikasi iaitu yang berbentuk lisan (KL) dan bukan lisan (Abdullah Hassan & Ainon Mohd, 1999; dan Noriati A. Rashid et al, 2014). Komunikasi lisan merupakan apa-apa komunikasi yang diucapkan dengan menggunakan kata-kata seperti kata-kata, bentuk percakapan ataupun tulisan manakala komunikasi bukan lisan berupa komunikasi yang dilakukan tidak melalui kata-kata seperti cara kita berdiri, roman muka, gerak geri tangan, pakaian atau lambang-lambang seperti gesture, warna, mimik wajah dan lain-lain (Noriati A. Rashid et al, 2014; dan Tri Indah Kusumawati, 2016).

Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Dalam konteks pendidikan, kedua-dua bentuk komunikasi boleh mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan PdP kerana kedua-duanya melibatkan hubungan interpersonal secara lisan dan bukan lisan antara guru dengan pelajar (Nordin Halias, Zawawi Ismail dan Harun Baharudin (2017). Aktiviti komunikasi amat diberi perhatian yang serius dalam proses PdP kerana guru sentiasa berurusan dengan pelajar. Pengetahuan yang lengkap dalam aspek komunikasi penting bagi setiap guru dalam memastikan penyampaian ilmu berkesan kepada pelajar (Mohd Sahandri Hamzah, Ramli Basri & Shaffe Mohd Daud, 2011), mewujudkan proses PdP yang efektif (Farah Nur A. Hamid & Maslida Yusof, 2015), selain dapat menggalakkan pelajar untuk melibatkan diri dalam proses pembelajaran dan meningkatkan penguasaan bahasa mereka (Hanif Ismail Hamzah & Kaseh Abu Bakar, 2016).

Komunikasi antara guru dengan pelajar di dalam bilik darjah penting kerana dalam proses PdP, seseorang guru akan bercakap dua pertiga daripada keseluruhan waktu mengajarnya (Nurul Salmi Mohd Dazali dan Mohd Isha Awang, 2014). Justeru, kepentingan kemahiran komunikasi dalam kalangan guru tidak boleh dipandang remeh oleh guru (Noriati A. Rashid et al, 2014) malah guru perlu sensitif dengan perkara ini dan guru hendaklah memastikan mereka mampu menyampaikan mesej tersebut difahami dan diterima oleh murid. Guru perlu mempamerkan komunikasi yang positif semasa berinteraksi dengan pelajar ketika di bilik darjah. Percakapan guru secara langsung mempengaruhi pelajar seperti menyampaikan, memberi arahan dan mengkritik (Syofia Ulfah, Zamri Mahamod, Jamaluddin Badusah & Hamidah Yamat, 2012). Perubahan tingkah laku seseorang pelajar pula dapat dilihat melalui proses komunikasi ini dari segi kefahaman dan kemahiran yang mereka perolehi semasa sesi pengajaran berlaku (Natashadora Muridan, 2013). Menurut Johnson, Maetta B. (1999), keberkesanan kemahiran komunikasi dalam bilik darjah memerlukan guru dan pelajar saling bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman secara tepat. Dengan cara berkomunikasi yang demikian, mereka mendapat makna daripada pertukaran tersebut. Justeru, kepentingan kemahiran komunikasi dalam PdP menjadi elemen yang tidak dapat tidak perlu dilaksanakan dalam bilik darjah bagi menghasilkan pengajaran yang berkesan dan mewujudkan interaktif antara guru dengan pelajar.

Kesediaan dan usaha guru terhadap kedua-dua kemahiran komunikasi ini merupakan syarat utama untuk melaksanakan tugas pengajaran yang telah diamanahkan ini menjadi berkesan. Gandingan dua kemahiran komunikasi ini menjadi lebih berkesan jika satu set kemahiran KL dan KBL dapat digabungkan bersama semasa pelaksanaan PdP. Malah, kekuatan KL dalam menyampaikan pengajaran tidak akan sempurna tanpa kemahiran KBL yang baik (Noriati A. Rashid et al. 2014) kerana KBL adakalanya mampu menjelaskan maksud lebih jelas daripada ungkapan perkataan. Saluran KBL melibatkan hampir semua pancaindera berbanding KL. Menurut Sulaiman Masri dan Ahmad Khair Mohd Nor (2005), KL hanya melibatkan 20 peratus daya tarikan dalam pertemuan bersemuka. Sebagai contoh, apabila kita mendengar guru yang banyak bercakap, maka sukar bagi murid untuk mengingat apa yang diperkatakan oleh guru tersebut malah besar kemungkinan murid tidak memberi tumpuan. Manakala KBL melibatkan 80% lebih memanfaatkan gerakan muka, mata, badan, jarak,

penampilan, dan nada suara (Sulaiman Masri & Ahmad Khair Mohd Nor, 2005). Dalam konteks penambahbaikan pelaksanaan PdP, kemahiran KBL dilihat sebagai satu saluran komunikasi yang perlu diberi penekanan khusus berbanding KL dalam mewujudkan pengajaran berkesan dan mencapai hasil pembelajaran yang optimum.

Komunikasi Bukan Lisan dalam Pengajaran Bahasa Arab

Menyedari hakikat bahawa KBL memainkan peranan penting dalam PdP, pengajaran Bahasa Arab memerlukan guru mempraktikkan KBL dengan berkesan sepanjang proses PdP. Guru perlu mahir melaksanakan pengajaran Bahasa Arab melalui komunikasi yang menarik dan menyeronokkan bagi menggalakkan pelajar meneruskan proses pembelajaran yang menjadi keutamaan dalam mencapai hasil pembelajaran. KBL dilihat amat sinonim dalam proses PdP Bahasa Arab sebagai salah satu kemahiran yang dapat menjadikan pengajaran guru lebih berkesan. Anggapan sesetengah pelajar yang menyatakan pembelajaran bahasa Arab amat susah dan sukar difahami dan diikuti boleh diatasi melalui KBL dalam PdP bahasa Arab. Hal ini kerana KBL berperanan mewujudkan kemesraan dan hubungan yang baik dengan pelajar dan guru (Mohd Khairuddin Abdullah et al, 2014), mampu meningkatkan pengetahuan murid (Widya, 2013), menanam perasaan kasih sayang, saling hormat menghormati, saling bekerjasama, saling bersefahaman di antara guru dengan pelajar (Hairun Najuwah Jamali & Hanis Najwa Shahrudin, 2019), memudah cara pengajaran guru (Muhammad Azhar Zailani, 2007) dan mengurangkan gangguan komunikasi (Lau & Chan, 1972). KBL turut memberi kesan positif dan langsung terhadap pembentukan sikap pelajar, motivasi dan hasil pembelajaran (Nordin Halias, 2016). Beliau membuktikan KBL dalam PdP bahasa Arab memberi impak yang sangat besar terhadap pembelajaran murid kerana KBL dapat meningkatkan motivasi dan minat pelajar ketika di bilik darjah serta meningkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran bahasa Arab.

Oleh itu, kemahiran KBL dalam PdP bahasa Arab menjadi satu kepentingan untuk guru-guru kerana ia mempengaruhi gaya penyampaian guru terhadap kandungan pelajaran dan kesan terhadap mood (minat) pelajar terutamanya apabila guru perlu menyampaikan isi pelajaran melalui PdP secara dalam talian. Dunia pendidikan hari ini telah menunjukkan bahawa guru perlu melakukan perubahan dan pembaharuan dalam amalan PdP (Nor Azhan Norul 'Azmi & Noor Shamshinar, 2019). Proses PdP secara dalam talian telah mengubah peranan guru dari aspek pelaksanaan dan gaya penyampaian ilmu pengetahuan tanpa menghilangkan cara pengajaran yang berlangsung secara bersemuka dalam bilik darjah sekaligus mewujudkan suasana pembelajaran yang diinginkan.

Gaya Penyampaian Guru Secara dalam Talian

Walaupun terdapat perubahan dan pembaharuan dalam pelaksanaan PdP secara dalam talian berbanding secara bersemuka, guru perlu memastikan penyampaian kandungan pelajaran dapat difahami dan diterima oleh pelajar. Elemen KBL yang dibincangkan amat mempengaruhi keberkesanan pembelajaran pelajar dari aspek minat, motivasi dan pencapaian pelajar (Nordin Halias et al, 2016). Jika dahulu guru perlu menunjukkan keberkesanan pengajaran melalui penampilan fizikal yang tampak hebat dan bergaya kerana penampilan diri yang hebat adalah ciri guru yang cemerlang (Kamarul Azmi Jasmi, 2010), menjadi daya penarik (Ahmad Naim Jaafar, 2004), berpakaian kemas supaya kehebatan dirinya sebagai seorang pendidik terserlah (Mohd Kassim Tusin, 2010), boleh mempengaruhi sikap dan sahsiah murid (Sidek Mohd Noah, Abdul Malek Abdul Karim & Wan Marzuki Wan Jaafar (2009), kini guru masih memerlukan cara berpakaian sedemikian ketika melaksanakan PdP secara dalam talian.

Dari aspek pergerakan badan atau percakapan, segala gerak geri guru adalah contoh ikutan kepada pelajar. Guru sebagai komunikator seharusnya mengatur pergerakan badan mereka dengan baik kerana gerak badan guru menjadi perhatian murid. Guru perlu mengawal pergerakan badan mereka supaya pengajarannya dinamik dan beranimasi. Tindakan ini memungkinkan pengajarannya berlangsung dalam keadaan yang penuh minat dan menyeronokkan untuk tempoh yang lama (McCroskey & Richmond, 2000). Pergerakan anggota badan seperti tangan, bibir, mata dan anggukan kepala yang sesuai ketika menyebut perkataan Arab atau ayat perlu selari dengan gaya penyampaian guru walaupun secara dalam talian kerana pelajar dapat merasakan guru seolah-olah sedang berbicara dengan mereka secara bersemuka. Pelajar dapat melihat gerak geri dan lenggok guru ketika guru menyampaikan sesuatu ilmu kepada mereka. Pergerakan yang statik atau tanpa sebarang body language boleh menimbulkan rasa bosan dalam kalangan pelajar.

Di samping itu, guru mesti peka dan bijak dalam pengurusan masa kerana ia merupakan salah satu indikator guru yang berkesan. Seorang guru yang berkesan akan menggunakan sepenuh masanya untuk mengajar dan menerangkan isi pelajaran kepada pelajar sehingga tiada lagi permasalahan yang timbul seperti pelajar tidak jelas atau kurang faham. Peruntukan masa yang fleksibel ketika proses PdP secara dalam talian perlu disepakati dengan baik antara guru dengan pelajar. Guru disaran supaya mengelak daripada perbuatan mengajar sambil lewa dengan hanya memberi nota dan membacanya satu persatu kepada pelajar. Guru perlu merancang dengan baik semua aktiviti PdP yang perlu dilaksanakan supaya pelajar terus aktif dalam pembelajaran mereka. Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1999), faktor masa memberi pengaruh yang paling besar dalam komunikasi. Apabila bercakap, guru perlu memberikan maklumat yang cukup untuk membolehkan pelajar faham apa yang disampaikan oleh guru. Pelajar akan merasa selesa mengikuti pembelajaran jika mereka memahami maklumat yang disampaikan oleh guru malah boleh menimbulkan rasa suka dalam diri pelajar terhadap guru.

Seterusnya, tingkah laku mata atau eye contact semasa berkomunikasi dengan pelajar dapat mengukuhkan maklumat yang guru sampaikan. Guru yang berkesan akan mengekalkan tempo kontak mata dengan pelajar untuk jangka masa yang agak lama semasa berkomunikasi dengan pelajar (Khairul Anuar A. Rahman, 2012; McCroskey & Richmond, 1992, 2000). Pertembungan mata antara guru dengan pelajar semasa berkomunikasi menggambarkan komitmen guru dalam aktiviti PdP. Menurut Noriati A. Rashid et al (2014), pertembungan mata antara penutur dengan pendengar sangat penting untuk menunjukkan bahawa pendengar sedang mendengar dan berminat untuk mendengar. Bagi menarik minat pelajar untuk menumpukan perhatian kepada penyampaian guru, guru perlu bersemuka secara langsung di papan skrin komputer atau peranti yang guru gunakan semasa melaksanakan PdP. Pelajar dapat melihat wajah guru dan mengikuti percakapan dan pergerakan suara guru dengan lebih jelas. Pelajar juga dapat melihat cara penyampaian guru yang bersungguh-sungguh melalui pergerakan mata guru. Guru juga disaran meminta pelajar juga menunjukkan wajah mereka ketika proses PdP dilaksanakan supaya guru dan pelajar sama-sama bertembung mata antara satu sama lain. Perbuatan pertembungan mata ini secara tidak langsung menambahkan kepercayaan pelajar terhadap maklumat yang guru sampaikan kepada mereka.

Kepelbagaian intonasi dan nada suara juga perlu diberi perhatian semasa guru melaksanakan PdP secara dalam talian. Sebagai contoh, apabila guru menyebut perkataan Arab yang mempunyai baris yang berbeza bagi setiap huruf atau terdapat bacaan pendek dan panjang pada perkataan tersebut guru perlu menyebutnya dengan mengikut kaedah suku kata dan berirama. Guru juga boleh menekankan suara bagi huruf-huruf yang mempunyai makhraj huruf yang agak sukar disebut seperti huruf kha' (خ), to' (ط), dan ha' (ح) atau (ه). Guru juga perlu bijak memvariasikan nada suara semasa memberikan mesej tertentu. Para pelajar tidak suka kepada guru yang bersuara rendah dan senada. Malah mereka akan menganggap guru

tersebut sebagai membosankan, tidak prihatin dan kurang mesra (Georgakopoulos & Guerrero, 2010; McCroskey & Richmond, 2000). Jelaslah guru perlu tahu menyesuaikan intonasi suara sewaktu berinteraksi dengan pelajar dan disesuaikan juga dengan konteks percakapan serta tujuan percakapan. Volum suara antara tinggi dengan rendah mampu memberikan kefahaman kepada pelajar tentang perkara dan mesej yang disampaikan oleh guru (Noriati A. Rashid et al, 2014).

Begitu juga aspek ekspresi wajah guru yang perlu diberi perhatian ketika menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar. Hal ini kerana wajah melukiskan bermacam-macam perasaan seseorang seperti marah, takut, ragu, sedih dan perasaan tidak sabar (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 1999). Sebagai seorang guru, ekspresi wajah amat penting ketika berkomunikasi dengan pelajar. Guru mesti menunjukkan wajah yang ceria dan gembira, penuh dengan senyuman dan wajah yang manis kerana sifat yang demikian menggambarkan keramahan, keceriaan dan kegembiraan (Noriati A. Rashid et al 2014). Manakala sebaliknya jika guru berwajah masam, sifat tersebut menunjukkan guru tidak gembira, tidak ceria atau ada sesuatu yang membosankan dan merungsingkan guru. Justeru, guru perlu mampu mengawal segala emosi dalam apa jua keadaan dan mengelakkan ekspresi muka yang boleh menyebabkan pelajar berasa tidak selesa dalam pembelajaran. Sekiranya guru dapat mempamerkan ekspresi wajah yang positif dan menarik semasa melaksanakan PdP bahasa Arab secara dalam talian sudah pasti sifat ini akan membangkitkan keseronokan dalam diri pelajar untuk mengikuti pengajaran guru. Pelajar tidak akan merasa segan silu untuk menyoal, bertanyakan sesuatu kepada guru atau mengajuk perbuatan guru yang disenangi mereka. Secara tidak langsung guru telah berjaya mendorong pelajar untuk mengambil bahagian dan aktif dalam aktiviti PdP bahasa Arab.

Akhirnya, guru perlu cakna dengan aspek artifaktual iaitu persekitaran fizikal seperti latar belakang skrin, warna, pencahayaan dan pemandangan semasa sesi PdP yang juga merupakan elemen KBL yang perlu diberi perhatian oleh guru. Guru perlu prihatin terhadap elemen-elemen ini kerana persekitaran yang cantik, kemas dan tersusun memberi kesan kepada diri dan emosi pelajar di samping mempengaruhi proses PdP (McCroskey & Richmond, 2000). Pengajaran secara dalam talian seumpama ini wajar mengambil kira kesemua faktor yang memberi keselesaan dan memberangsangkan sepanjang proses pembelajaran.

Walaupun demikian, amalan KBL dalam PdP bahasa Arab secara dalam talian ini sudah pasti menjadi satu kesukaran kepada guru kerana kemahiran ini lebih tepat diamalkan secara bersemuka dalam bilik darjah secara langsung. Tetapi sekiranya guru mempunyai penguasaan yang baik terhadap kemahiran KBL semasa melaksanakan PdP secara bersemuka, guru hanya perlu melakukan perkara yang sama semasa melakukannya secara dalam talian. Dengan mengaplikasikan elemen-elemen KBL semasa sesi PdP secara dalam talian ini, guru mampu menjadikan situasi PdP bahasa Arab menjadi menarik, menyeronokkan, meninggalkan bekas dalam hati dan jiwa pelajar dan seterusnya meningkatkan mood pelajar untuk meneruskan pembelajaran hingga ke akhir proses PdP.

3.0 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Amalan KBL dalam PdP bahasa Arab perlu dilaksanakan oleh guru kerana pelaksanaannya yang tepat mampu menjadikan pengajaran bahasa lebih menepati tabiat semula jadi bahasa sasaran tersebut. Penggunaan Lughatul Fasl dalam PdP Bahasa Arab (Mohamad Ziyad Mukhtar dan Saini Ag. Damit, 2017) yang disertakan dengan KBL sebenarnya dapat mempertingkatkan penguasaan bahasa guru kerana KBL dapat memperkukuhkan lagi kemahiran guru bertutur dalam bahasa Arab sepenuhnya sama ada di bilik darjah mahupun secara dalam talian. Azlin Ariffin @ Riffin dan Muhamad Suhaimi Taat (2020) turut menyatakan penggunaan kaedah yang sesuai dan menarik adalah elemen yang sangat penting

dan dapat membantu pelajar untuk menguasai bahasa Arab dengan lebih berkesan. Selain itu, sekiranya guru mempunyai keupayaan pedagogi yang tinggi juga turut menyumbang kepada prestasi dan penguasaan pelajar (Mohammad Abdillah, Miss Asma & Zamri Arifin, 2014). Jelaslah keupayaan guru untuk memupuk rasa ingin belajar dalam diri pelajar boleh menyebabkan pelajar lebih berminat dan tertarik untuk mengikuti pengajaran guru (Mushir Ahmad, 2016). Oleh itu, pelaksanaan KBL yang baik dan berkesan mampu menimbulkan senario pembelajaran bahasa Arab yang menyeronokkan. Pengalaman pembelajaran ini pula akan memberi rangsangan kepada pelajar untuk meneruskan minat dalam pembelajaran bahasa Arab dan menyediakan pengalaman pembelajaran yang akan diingati oleh pelajar sepanjang hayat (Mohamad Ziyad Mukhtar dan Saini Ag. Damit, 2017) .

Kepentingan KBL dan gaya penyampaian guru ketika melaksanakan PdP bahasa Arab amat berkait rapat antara satu sama lain. Dengan menguasai KBL guru akan merasa lebih yakin untuk menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar seterusnya akan menimbulkan mood yang positif dalam diri pelajar. pengajaran bahasa Arab yang berkesan dapat direalisasikan melalui KBL sekiranya guru komited terhadap pelaksanaan elemen-elemen yang terdapat dalam KBL seperti mana yang terdapat dalam penulisan ini. Bagi menjelaskan lagi kepentingan KBL dan keberkesanannya terhadap gaya penyampaian guru dalam PdP bahasa Arab, para guru boleh mendapatkan panduan atau cadangan yang boleh membantu guru melaksanakan KBL dalam PdP bahasa Arab. Antaranya:

Guru perlu menguasai elemen-elemen KBL terlebih dahulu dan mempraktikkannya setiap kali sesi PdP bahasa Arab dilaksanakan. Sikap mengulangi perbuatan yang sama akan menghasilkan kelaziman dan keberkesanan dalam aktiviti PdP. Guru disaran menjadikan amalan KBL sebagai satu budaya atau menjadikannya sebagai persekitaran komunikasi yang dinamik bersama dengan pelajar.

Bagi memantapkan kompetensi bahasa dalam kalangan guru dan menggunakan bahasa Arab yang sepenuhnya ketika PdP Bahasa Arab, guru digalakkan menggunakan Lughatul Fasl yang merangkumi ayat atau ungkapan yang mudah, ringkas dan mudah difahami. Penggunaan Lughatul Fasl beserta KBL dapat membantu guru menyebut dan mengungkapkan ujaran perkataan atau ayat dengan lebih yakin dan berkesan.

Guru perlu lebih bersikap positif terhadap cadangan penambahbaikan dalam melaksanakan PdP bahasa Arab dengan membuat persediaan dan perubahan terhadap diri sendiri, berusaha memantapkan kemahiran-kemahiran asas dalam PdP bahasa Arab di samping menghakis tanggapan bahawa bahasa Arab sukar dipelajari atau diajari kepada pelajar.

Guru tidak dapat mengelak daripada mengikuti arus perubahan PdP era baharu yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Guru perlu bersedia berhadapan dengan pelbagai cabaran ketika mengendalikan PdP dan sentiasa tingkatkan kemahiran dalam penyampaian secara dalam talian sepertimana cara guru berkomunikasi secara bersemuka di bilik darjah.

Guru disaran mempelbagaikan gaya penyampaian ketika melaksanakan PdP secara dalam talian seperti mengaplikasikan medium Google Meet, Google Classroom, Whats App, Video Call, FB Live dan lain-lain. Guru digalakkan menggunakan medium yang sesuai dan dijadikan sebagai bahan bantu mengajar (BBM) bersesuaian dengan topik yang diajar. Adalah lebih baik guru sendiri yang menyampaikan pengajaran dalam medium-medium tersebut berbanding guru berkongsi video pengajaran seperti diambil dari Youtube umpamanya yang bukan hasil daripada guru sendiri. Dengan cara ini pelajar lebih teruja untuk mengikuti pembelajaran mereka kerana pelajar merasakan mereka seolah-olah sedang belajar dalam situasi sebenar.

4.0 PENUTUP

Sebagai seorang yang melaksanakan tugas pengajaran, guru tidak dapat mengelak daripada mengikuti arus perubahan PdP era baharu ini kerana keperluan dalam pendidikan sentiasa berubah dari semasa ke semasa. PAK 21 menuntut guru untuk melakukan penambahbaikan dalam proses PdP dengan cara meningkatkan kemahiran pengajaran dan strategi sesuai dengan kehendak dan keperluan pelajar masa kini. Pelaksanaan PdP secara dalam talian yang dilaksanakan dalam semua proses PdP perlu dikuasai dengan baik oleh guru kerana kaedah ini merupakan satu inovasi dalam pengajaran guru. E-pembelajaran dalam PdP tidak mengambil alih tempat guru atau kaedah yang biasa guru gunakan di dalam bilik darjah tetapi ia bertindak sebagai pelengkap atau sebagai fungsi bahan bantu mengajar. Guru perlu bersedia menghadapi situasi ini dan mahir dalam penyampaian secara dalam talian sepertimana cara guru berkomunikasi secara bersemuka di bilik darjah. Guru perlu menguasai kemahiran berkomunikasi khususnya kemahiran KBL dengan baik kerana ia akan menjadi bertambah sukar apabila proses PdP dijalankan secara dalam talian. Amalan KBL dan gaya penyampaian guru dalam PdP bahasa Arab secara dalam talian perlu ditingkatkan dari masa ke semasa supaya kompetensi komunikasi guru dan mood pembelajaran dapat dihasilkan secara optimum.

5.0 RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1999). *Komunikasi Untuk Guru*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ahmad Naim Jaafar. (2004). *Kuasa Karisma*. Bentong: PTS Publications & Distributors.
- Azlin Ariffin @ Riffin & Muhamad Suhaimi Taat. (2020). Penguasaan Bahasa Arab: Hubungannya dengan Sikap Murid dan Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 5, Issue 3, (page 13-23), 2020. DOI:<https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i3.370>
- Badrul Hisham, & Mohd Nasruddin. (2016). Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21 dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*.
- Farah Nur A.Hamid & Maslida Yusof. (2015). Analisis Struktur dalam Komunikasi Arahan Guru dalam Bilik Darjah. *Jurnal Melayu*. Bil. 14(2) 2015. ISSN 1675-7513.
- Hairun Najuwah Jamali & Hanis Najwa Shahrudin. (2019). Analisis Persepsi Pelajar Melayu Terhadap Amalan Komunikasi Bukan Lisan dalam Kelas Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Melayu*. Bil. 18 (2) 2019.
- Hanif Ismail Hamzah & Kaseh Abu Bakar. (2016). Analisis Interaksi Guru-Pelajar dalam Kelas Pembelajaran Bahasa Arab dan Penggunaannya di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). *International Journal of West Asian Studies*. EISN: 2180-4788 Vol. 8, No. 1, (pp 122-133) DOI: 10.22583/ijwas.2016.08.01
- Johnson, Maetta B. (1999). *Communication in the Classroom*. National Library of Education (NLE). Educational Resources Information Center (ERIC).
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia*. Satu Kajian Kes. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Buletin Anjakan*. Kementerian Pendidikan Malaysia, (4). Retrieved from [http://www.padu.edu.my/files/Anjakan_Bil_4\(2015\)_Final.pdf](http://www.padu.edu.my/files/Anjakan_Bil_4(2015)_Final.pdf)

- Khairul Anuar A. Rahman. (2012). Disposisi Guru Berkesan: Personaliti dan Kemahiran Komunikasi. *Akademika* 82(2) 2012 : 37-44.
- Lau, K.C., & Chan, B.F. (1972). Komunikasi Pengajaran. *Jurnal Masalah Pendidikan*. Edisi April.
- McCroskey, J. C., & Richmond, V. P. (2000). *Nonverbal Behavior In Interpersonal Relations* (4th ed.) BOSTON: Allyn & Bacon.
- Moch. Syarif Hidayatullah. (2017). *Bahasa Komunikasi Nonverbal. Pengirim Pesan Tanpa Kata*.
- Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjamin & Zamri Arifin. (2014). Hubungan Antara Kualiti Guru Bahasa Arab dan Kecenderungan Minat Pelajar dalam Bahasa Arab. *Jurnal Kemanusiaan Bil. 22*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu & Halimah Laji. (2014). Komunikasi Guru dalam Bilik Darjah dan Tingkah Laku Delinkuen Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Pemikir Pendidikan (Journal for Educational Thinker)*. Vol. 5, pp. 59-77, ISSN 1985-3637 (Print).
- Mohd Sahandri Gani Hamzah , Ramli Basri & Shafie Mohd Daud. (2010). *Karakter Guru Ilmu Diagung Guru Disanjung*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Zailani bin Ismail & Mohamad Khairi bin Hj. Othman. (2017). *Amalan Pedagogi Abad Ke-21 dalam Kalangan Guru Pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia*. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* Jilid 13, 2017
- Muhamad Ziyad Mukhtar dan Saini Ag. Damit. (2017). Aplikasi Lughat Al-Fasl dalam Pengajaran Bahasa Arab. *MANU Bil. 26*, 153-183, 2017 (Dis). E-ISSN 2590-4086(C) Mohamad Ziyad Bin Mukhtar & Saini Ag. Damit
- Muhammad Azhar Zailani. (2007). *Aktiviti Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Arab Sekolah Menengah*. (Tesis Phd Yang Tidak Diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mushir Ahmad. (2016). *Amalan Pengajaran Berkesan Guru Bahasa Arab di Pahang*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. UM
- Natashadora Binti Muridan .(2013). *Penguasaan Kemahiran Komunikasi Interpersonal Dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu*, Laporan projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional , Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional , Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Noor, A. F. M. (2017). Elemen kemahiran pensyarah cemerlang Pendidikan Islam di Politeknik Premier: Satu kajian rintis. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 2(2).
- Nor Azhan Norul Azmi & Noor Shamshinar binti Zakaria. (2019). *Pembudayaan Kemahiran Komunikasi Bukan Lisan dalam Pengajaran Bahasa Arab di Atas Talian Mendepani Era Revolusi Industri 4.0*. *International Conference on Pedagogy and Inclusive Education (ICPIE 2019)*. 18-19 Sept. 2019. Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. ISBN: 978-967-5580-16-1.
- Nordin Halias, Zawawi Ismail & Harun Baharudin. (2017). *Komunikasi Bukan Lisan dalam Pengajaran Bahasa Arab*. UKM, Bangi Selangor
- Nordin Halias. (2016). *Komunikasi Nonverbal dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama*. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan. UM
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah & Zuraidah A. Majid. (2014) *Budaya dan Pembelajaran. Siri Pendidikan Guru*. Edisi Kemas Kini. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Nurul Salmi Mohd Dazali & Mohd Isha Awang. (2014). *Tahap Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Ipta Di Utara Semenanjung Malaysia* 4T(Communication Skill among Undergraduate Students of Education in Northern

- Malaysia), *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, ISSN: 2180-4842. Vol. 4, Bil. 2 (Nov. 2014): 44-56.
- Sidek Mohd Noah, Abdul Malek & Wan Marzuki Wan Jaafar. (2009). *Panduan rasmi Medsi (Malaysian Educators Selection Inventory)*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Sulaiman Masri & Ahmad Khair Mohd Nor. (2005). *Komunikasi Pejabat: Petua Pelayanan Pelanggan Serta Panduan Umum Penulisan Memo, Surat, Laporan, Minit, Ucapan dan Iklan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Syofia Ulfah, Zamri Mahamod, Jamaluddin Badusah & Hamidah Yamat. (2012). *Amalan Komunikasi Interpersonal Direktif Guru Bahasa Indonesia Ketika Memulakan Pengajaran*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)* ISSN: 2180-4842. Vol. 2, Bil. 2 (Nov. 2012): 71-82
- Tri Indah Kusumawati. (2016). *Komunikasi Verbal dan Nonverbal*. *Jurnal Al-Irsyad* Vol.VI, No. 2, 140.
- Widya P.Pontoh. (2013). *Peranan Komunikasi Interpersonal Guru dalam Meningkatkan Pengetahuan Anak*. *Jurnal “Acta Diurna”*, 1(1), 1-11.
- Yuslaini, Y. (2012). *Kemahiran Guru Abad Ke-21*. *Minda Pendidik*.